

**Pilihan Raya, Kami Tunggu Suis Dipetik: Pemimpin Umno Bernama**  
**Julai 25, 2011**

**KUALA LUMPUR:** Ibarat hanya menunggu suis dipetik, beberapa orang pemimpin bahagian Umno pada Isnin menyatakan siap siaga menghadapinya jika kerajaan mengumumkan untuk mengadakan pilihan raya umum dalam masa terdekat.

Siap siaga itu berikutan manfaat yang diperoleh hasil simulasi pilihan raya peringkat bahagian Umno bermula Jun lepas dan berakhir bulan ini, selain persediaan secara am yang telah dijalankan untuk menghadapi pilihan raya umum yang ke-13.

Simulasi pilihan raya itu yang pertama kali diadakan juga telah memilih, mengenal pasti nama-nama pengundi, nama-nama calon berpotensi menang dan jawatankuasa pilihan raya parti, yang kini bersedia menghadapi pilihan raya sebenar.

Ketua Umno Bahagian Seri Gading Datuk Mohamed Aziz berkata simulasi yang diadakan bertujuan menyegarkan kembali ingatan pekerja dan jentera parti bagi menghadapi situasi sebenar kelak.

"Memang bagus adakan simulasi tapi bukan bermakna kita (di bahagian) tidur. Kita sentiasa bersedia. Ini bukan masanya kita mengambil mudah, tambahan lagi untuk pilihan raya. Bukan apabila hanya ada simulasi saja (kita perlu siap sedia)," katanya ketika dihubungi Bernama.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin semalam memberi ingatan supaya parti komponen Barisan Nasional (BN) mengukuhkan perpaduan antara satu sama lain, selain 'memberi gambaran' pilihan raya umum kian hampir dengan mengatakan masa yang terhad dan tinggal beberapa bulan sebelum pilihan raya umum.

Simulasi pilihan raya itu diadakan atas arahan Ibu Pejabat Umno selepas Majlis Tertinggi (MT) parti pada 27 Mei lepas memutuskan ia hendaklah diadakan sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum ke-13.

Mohamed yang juga Anggota Parlimen Seri Gading berkata sebelum simulasi itu pun pelbagai usaha sudah dilakukan dan jentera peringkat bahagian terus aktif dengan mengetahui tugas masing-masing dan menyusun strategi yang perlu dilakukan apabila tiba masa, kerana pilihan raya hanya diadakan lima tahun sekali.

Mengulas kenyataan Muhyiddin, beliau berkata pucuk pimpinan sedang mengintai-ngintai tarikh yang sesuai dan ini memberikan petanda kepada Umno.

Ketua Pergerakan Puteri Umno Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin pula berkata dengan adanya simulasi, anggotanya lebih bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan, selain pendedahan berkesan untuk situasi sebenar.

"Jadi apabila tiba masa sebenar kelak, tugas pergerakan Puteri tidak bertindih dengan yang lain, ini memberi impak positif. Lebih sistematik kita boleh katakan dan bersedia dengan potensi masalah yang akan timbul," katanya yang juga Timbalan Menteri Kesihatan.

Ketua Umno Bahagian Selayang Abdul Shukor Idrus menyifatkan kepentingan simulasi adalah untuk mengetahui cara bagi mengendalikan pengundi-pengundi yang dulunya membelakangkan Umno tapi kini menarik sokongan mereka kembali.

"Kita kenal pasti apa yang perlu dibuat. Apa strategi pembangkang yang kita perlu tangani. Dari segi ceramah, nak buat secara kecil-kecilan dan jumlahnya pula perlu diambilkira. Masa berceramah juga, berapa lama yang sesuai.

"Latihan ini penting walaupun kita secara amnya bersedia menghadapi pilihan raya bila-bila pun, secara automatik, kalau suis dipetik, kita akan bergerak. Pada masa sama kita akan perkemaskan lagi sementara masa masih ada," katanya yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuang, Selangor.

Penggal pilihan raya umum akan datang, tamat pada Mac 2013, iaitu kurang dua tahun dari sekarang.- **BERNAMA**

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd

Source: [http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/25/mstar\\_berita/20110725172839&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/25/mstar_berita/20110725172839&sec=mstar_berita)